

TARIKH : 22 JULAI 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 31

30 projek RM100j bakal ditangguhkan

KAWAL PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGARA

30 projek RM100j bakal ditangguhkan

Bernama

Kuala Lumpur

Sebanyak 30 projek membabitkan kos kira-kira RM100 juta dikenal pasti setakat ini untuk ditangguh pelaksanaannya pada tahun ini.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, ia hasil sesi libat urus antara Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Kerja Raya (KKR), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU), Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) pada 19 Julai lalu.

Beliau berkata, antara projek itu adalah pembinaan pusat pemprosesan getah bersepadu di bawah Kementerian Perusahaan Perlindungan dan Komoditi; perolehan peralatan bagi memodenkan bengkel dalam bidang elektrik serta projek kerjasama pusat latihan teknologi tinggi dengan institusi pendidikan dan latihan di luar negara di bawah Kementerian Sumber Manusia dan projek penyelidikan strategik di bawah Kemen-



PROJEK Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) antara projek yang akan diteruskan seperti dirancang.

terian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

"Sesi libat urus ini akan berterusan minggu hadapan, MOF, KKR, EPU, ICU, JKR akan mengadakan pertemuan dengan semua kementerian untuk memastikan mana-mana (projek) yang perlu untuk menjamin kesejahteraan rakyat diteruskan.

"Setakat ini, cuma 30 projek bernilai kira-kira RM100 juta, tetapi masih la-

gi diperincikan, akan diteruskan libat urus minggu depan," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil (PH-Lembah Pantai) mengenai berapakah projek yang akan ditangguhkan kerajaan dan jumlah penjaminannya serta sekiranya projek mega akan turut di-

tangguhkan.

Mustapa berkata, projek seperti MRT Laluan Lingkaran (MRT3), Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Lebuhraya Pan Borneo akan diteruskan seperti dirancang.

Mengulas lanjut, beliau berkata, projek yang akan ditangguhkan melibatkan projek baharu dan sedia ada yang belum dimulakan proses perolehan dan diiklankan, projek bukan keutamaan yang telah dikenal pasti kecuali projek yang mempunyai impak segera kepada kesejahteraan rakyat dan projek baharu dan sedia ada yang menghadapi masalah pelaksanaan seperti isu tapak.

Mustapa berkata, projek yang sedang dalam pelaksanaan, telah dikeluarkan iklan tender, Surat Niat dan Surat Setuju Terima akan diteruskan.

Mustapa berkata sejumlah 7,243 projek pembangunan dengan jumlah peruntukan RM75.6 bilion telah diluluskan untuk pelaksanaan bagi tahun ini.

Kerajaan dilapor akan mengkaji semula proses perolehan bagi projek yang belum dimulakan untuk mengawal perbelanjaan pembangunan.